

Surat khabar: Utusan Malaysia ( Hello Kampus )

Hari/Tarikh: 11/9/2013

Muka surat: 26

Tajuk : Komited, Berazam Didik Pelajar.

Nasihat kepada pensyarah Unimas dalam melahirkan pelajar cemerlang

# Komited, berazam didik pelajar

Oleh **ASHLEY ANGGAT**

utusansarawak@utusan.com.my

**KOTA SAMARAHAN** 10 Sept. - Tugas untuk membangunkan pelajar ke arah kecemerlangan amat mencabar kerana memerlukan komitmen yang tinggi dan usaha yang berterusan.

Timbalan Naib Canselor (Hal Ehwal Pelajar dan Alumni), Universiti Malaysia Sarawak (Unimas),

Prof. Mohd. Fadzil Abdul Rahman berkata, para pensyarah juga tidak boleh mengharap prestasi pelajar akan berubah kalau masih mengamalkan cara dan strategi yang sama.

"Pensyarah-pensyarah harus lebih komited dan mempunyai azam membara bagi mencapai kejayaan dan kecemerlangan pelajar kita.

"Jika mahu menjadikan Unimas

sebagai institusi yang hebat, kita mesti melahirkan pelajar yang cemerlang," katanya ketika berucap dalam Majlis Penutupan Bengkel Pemantapan Sistem Mentor Mentee Unimas, di sini baru-baru ini.

Bengkel pemantapan itu adalah program khas bertujuan menyelaras dan memantapkan pelaksanaan sistem berkenaan supaya mempunyai garis panduan yang jelas dan mudah

untuk dibuat penyelarasan.

Selain itu, bengkel tersebut juga untuk mendedahkan kepada para peserta tentang peranan mentor sebagai fasilitator, pembimbing, pemerhati, jurulatih, penyelia, penunjuk cara, rakan penyiasat, kaunselor, penjaga, penilai, model ikutan dan rakan kritik kepada mentee.

Menyentuh mengenai bengkel berkenaan, Mohd. Fadzil berkata,

setiap daripada pensyarah atau fasilitator harus sedar usaha mengadakan bengkel berkenaan adalah untuk kebaikan demi masa depan pelajar-pelajar Unimas.

"Anda harus menggunakan bengkel ini untuk berkongsi pengalaman dan ilmu mentor mentee hasil daripada interaksi dengan pelajar dan rakan pensyarah yang saya yakin amat berguna dan berfaedah," katanya.